

## **PENGURUSAN HARTA ORANG ISLAM MELALUI HIBAH: ISU DAN PENYELESAIAN**

**Rositah Kambol**

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Kolej Universiti Islam Melaka  
rositah@kuim.edu.my

### **ABSTRAK**

Pengurusan harta orang Islam adalah antara isu yang sering dibincangkan oleh masyarakat Islam hari ini. Pengurusan harta yang baik dapat memastikan agar harta yang dimiliki dapat dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan individu dan masyarakat Islam umumnya. Ia juga dapat menjamin keadilan, menggalakkan pertumbuhan harta dan dapat mengelak berlakunya pertelingkahan atau perpecahan di kalangan umat Islam Terdapat pelbagai kaedah instrumen pengurusan harta yang dianjurkan oleh agama Islam untuk membolehkan kita memilih, merancang dan mengurus secara bijaksana harta yang kita miliki seperti hibah, faraid, wakaf, wasiat, wakil, penamaan dan banyak lagi. Setiap instrumen yang dinyatakan memiliki matlamat dan objektif yang berbeza-beza. Dalam memilih pelbagai kaedah yang dianjurkan oleh Islam untuk menguruskan harta, Hibah dilihat sebagai satu instrumen pengurusan harta yang istimewa yang boleh dilaksanakan kerana memiliki keupayaan bagi menyelesaikan banyak isu yang berbangkit dalam pengurusan harta orang Islam hari ini. Artikel ini akan membincangkan secara khusus pengurusan harta melalui hibah, isu-isu yang berbangkit daripada pengurusan harta melalui hibah serta cadangan penyelesaian yang ada sehingga menjadikan hibah sebagai suatu mekanisma pengurusan harta yang istimewa yang boleh dilaksanakan oleh orang Islam.

**Kata kunci :** Hibah, Pengurusan Harta Orang Islam, Instrumen

### ***WEALTH MANAGEMENT THROUGH HIBAH: ISSUES AND RECOMMENDATIONS***

#### ***ABSTRACT***

*The management of Muslim wealth is one of the most frequently discussed issues of the Muslim community today. Good wealth management can ensure that the property that is owned can be used for the development of the individual and the Muslim community in general. In addition, it can guarantee justice, promote property growth and prevent conflict among Muslims. There are various methods of wealth management organized by Islam to enable us to choose, plan and manage our property wisely such as hibah, faraidh, waqf, wills, securities, representatives, nomination and more. Each instrument stated has different goals and objectives. In selecting various Islamic methods of managing property, Hibah is seen as a special property management instrument that can be implemented as it has the ability to resolve many issues arising in Muslim property management mechanism today. This article will specifically discussed property management through Hibah, issues arising and proposed solutions that make Hibah a unique asset management mechanism that Muslims can implement.*

**Keywords:** Hibah, Muslim Wealth Management, Instrument

## **PENDAHULUAN**

Hibah adalah merupakan satu instrumen pengurusan harta orang Islam yang mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia hari ini. Pengurusan harta melalui hibah yang dibuat semasa hidup merupakan salah satu alternatif kaedah pengurusan harta yang dianjurkan oleh agama Islam yang boleh dilaksanakan oleh pemilik-pemilik harta bagi memberi manfaat yang maksimum kepada waris atau bukan waris. Keupayaan hibah menangani beberapa isu yang timbul dalam instrumen pengurusan harta yang sedia ada menjadikan hibah begitu popular dan sesuai dilaksanakan pada situasi hari ini. Artikel ini membincangkan secara mendalam mengenai keistimewaan konsep pengurusan harta menerusi hibah dalam menangani isu-isu yang timbul daripada kaedah pengurusan harta orang Islam yang sedia ada.

## **KONSEP HIBAH MENURUT SYARAK**

Hibah dari sudut bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk ain atau selainnya. Hibah ialah pemberian hak atau harta secara sukarela, tanpa dipaksa atau terpaksa daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain dengan niat dan tujuan yang baik, tanpa ada sebarang syarat, imbalan atau balasan (Ibn Manzur, 2006). Terdapat juga pelbagai takrifan diberikan oleh ramai fuqaha mengenai hibah. Antaranya, menurut mazhab Hanafi, hibah ialah pemberian milik *'ayn* harta tanpa balasan (al-Qadiri, Muhammad bin Husayn Bin Ali, 1997). Mazhab Maliki menakrifkan hibah sebagai pemberian milik ketika hidup tanpa balasan (Ibn Rusd, Muhammad Bin Ahmad, 1996). Manakala mazhab Shafi'i menambah makna hibah sebagai pemberian milik *'ayn* harta tanpa balasan ketika hidup secara sukarela (al-Sharbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib, 1994). Mazhab Hanbali menyatakan bahawa hibah ialah pemberian miliki suatu harta ketika hidup tanpa balasan secara sukarela atau sumbangan orang yang boleh menggunakan hartanya dengan memberi milik hartanya yang diketahui atau tidak diketahui (Ibn Rusd, Muhammad bin Ahmad, t.th).

Hibah adalah salah satu kaedah pengurusan harta orang Islam yang mudah, kerana pemberian hibah ini boleh dibuat secara terus kepada waris atau bukan waris tanpa perlu melalui faraid dan dilaksanakan ketika pemilik harta masih hidup (Mohd Zamro Mudo, 2008) telah menyenaraikan beberapa ciri dalam menguruskan harta melalui konsep hibah antaranya ialah:

- i. Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak.
- ii. Harta yang boleh dihibah ialah ain harta, bukannya hutang atau manfaat.
- iii. Akad hibah dibuat tanpa mengenakan sebarang balasan (*iwad*).
- iv. Akad hibah berkuat kuasa semasa hidup pemberi hibah.
- v. Hibah dibuat secara sukarela tanpa paksaan.
- vi. Akad dibuat bukan bertujuan untuk mendapat pahala atau memuliakan seseorang tertentu.

## **Hukum dan Dalil pensyariatian Hibah**

Dari segi hukum, hibah adalah suatu amalan yang disunat dan digalakkan dalam Islam. Terdapat banyak dalil berkaitan keharusan berhibah berdasarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Antara ayat al-Quran yang menganjurkan amalan hibah ialah sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwin itu dengan senang hati, makanlah (ambilah) pemberian itu (sebagaimakanan) yang sedap lag I baik akibatnya.”*

(Surah al-Nisa’ ayat 4)

*“...dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan (memerdekakan) hamba sahaya”*

(Surah al-Baqarah ayat 177)

Manakala melalui hadith nabi pula, dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

*“Saling memberi hadiahlah kamu sekalian, agar kalian saling mencintai”*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

### **Rukun-rukun dan syarat-syarat Hibah**

Hibah yang dibuat perlu mematuhi rukun-rukun dan syarat-syarat hibah sepertimana berikut;

#### **i. Pemberi (*Al Wahib*)**

Pemberi hibah adalah tuan punya barangan yang ingin dihibahkan Pemberi hibah disyaratkan mestilah seorang yang berkeahlian atau mempunyai keupayaan seperti sempurna akal, baligh dan *rushd* (matang dan berkemampuan menguruskan harta) dan tidak muflis (al-Zuhayl, 1997).

#### **ii. Penerima (*Al-Mawhub lahu*)**

Penerima hibah ialah seorang yang menerima pemberian hibah. Penerima hibah boleh terdiri daripada sesiapa sahaja, dengan syarat mereka berkemampuan untuk memiliki harta. Bagi yang belum mukallaf, hendaklah ada wali atau pemegang amanah yang boleh menerima hibah bagi pihaknya. Penerima hibah mestilah menerima harta yang dihibahkan dan berkuasa memegangnya. Dengan kata lain, penguasaan dan kawalan terhadap harta mestilah diberikan kepada penerima hibah.

#### **iii. Barang/harta yang dihibahkan (*al-Mawhub*)**

Barang atau harta yang hendak dihibahkan itu perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Ia hendaklah barang atau harta yang halal.
- ii. Ia hendaklah sejenis barang atau harta yang mempunyai nilai di sisi syarak.
- iii. Barang atau harta itu milik pemberi hibah.
- iv. Ia boleh diserahkan.
- v. Ia benar-benar wujud semasa dihibahkan.

Tidak sah hibah barang yang belum ada seperti menghibahkan anak lembu yang masih dalam kandungan atau hibah hasil padi tahun hadapan sedangkan masih belum berbuah dan sebagainya.

a. Harta itu tidak bersambung dengan harta pemberi hibah yang tidak boleh dipisahkan seperti pokok-pokok, tanaman dan bangunan yang tidak termasuk tanah. Mengikut Mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali, hibah terhadap harta yang berkongsi yang tidak boleh

dibahagikan adalah sah hukumnya. Dalam Islam, barang yang masih bercagar (seperti rumah) boleh dihibahkan jika mendapat keizinan daripada penggadai atau peminjam.

#### **iv. Sighah atau Ijab dan Qabul**

Sighah hibah merupakan lafaz atau perbuatan yang membawa makna pemberian dan penerimaan hibah. Sighah hibah yang dibuat adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. i. Ada persambungan atau kesinambungan antara ijab dan qabul.
- ii. ii. Tidak dikenakan syarat-syarat tertentu.
- iii. iii. Tidak disyaratkan dengan tempoh masa tertentu. Hibah yang disyaratkan dengan tempoh tertentu seperti yang berlaku dalam al-umra dan al-ruqba adalah sah hukumnya tetapi syarat tersebut adalah terbatal.

Dalam melaksanakan sighah (*ijab dan qabul*), perkara yang penting untuk dilihat adalah sama ada elemen penerimaan atau *al-qabd* berlaku atau tidak. *Al-qabd* (penerimaan barang) bermaksud mendapat sesuatu, menguasainya dan boleh melakukan tasarruf terhadap barang atau harta tersebut. Mengikut mazhab Hanbali dan Maliki, penerimaan barang tidak disyaratkan dalam sesuatu hibah, malah memadai dengan akad semata-mata. Ini bererti apabila berlaku kematian salah seorang atau salah satu pihak sama ada pemberi hibah atau penerima hibah sebelum penyerahan barang, maka hibah itu tidak terbatal. Sebaliknya, mengikut Abu Hanifah dan Syafie, penerimaan barang merupakan salah satu dari syarat sah hibah. Oleh itu, apabila berlaku kematian salah satu dari dua pihak sebelum penyerahan barang, maka hibah itu terbatal. Dalam mazhab Syafie, *al-qabd* merupakan syarat luzum, ertinya akad hibah tidak sempurna dan tidak berkuat kuasa dengan ijab dan qabul semata-mata, kecuali selepas *al-qabd*. Sekiranya *al-qabd* tidak berlaku maka akad hibah merupakan akad yang tidak mengikat. Oleh itu, pemberi hibah berhak menarik balik hibah tersebut selama mana harta berkenaan berada dalam pemilikannya.

#### **Kategori Hibah**

Terdapat dua (2) kategori hibah sepertimana berikut;

##### **i. Hibah Mutlak**

Dikenali juga hibah *al-Munjiah* iaitu hibah yang berlaku semasa pemberi hibah masih lagi hidup tanpa pengenaan syarat-syarat tertentu. Sekiranya hibah ini memenuhi rukun dan syarat-syaratnya ia akan memberi kesan yang berikut (Nasrul Hisyam, 2011):

- a) Harta yang dihibah akan berpindah milik kepada penerima hibah berkuatkuasa serta merta.
- b) Hak milik penerima hibah adalah kekal dan tidak dihadkan tempohnya.
- c) Hilangnya hak milik penghibah terhadap *'ayn* dan manfaat *mawhub*

Sebagai contoh seseorang ibu semasa hayatnya memberikan sebidang tanah kepada anaknya dengan mengisi borang pindahmilik tanah tersebut di pejabat tanah. Pemilikan tanah tersebut akan berpindah kepada si anak serta merta. Si anak boleh melakukan apa sahaja yang disukai ke atas tanah tersebut. Sekiranya anak tersebut meninggal dunia, tanah yang dihibah tadi akan menjadi harta pusaka bagi si anak tersebut bukan si ibu (penghibah) walaupun si ibu belum meninggal dunia. Hibah mutlak ini secara umumnya kurang mendapat sambutan di Malaysia kerana implikasi pemindahan pemilikan yang berlaku serta merta kepada penerima hibah dan menjadi harta penerima hibah yang boleh difaraidkan walaupun si pemberi hibah masih lagi hidup.

ii. Hibah Bersyarat (*Umra dan Ruqba*)

Hibah bersyarat pula ialah hibah yang dibuat dengan pengenaan syarat-syarat tertentu yang dibuat oleh pemberi hibah. Hibah dari jenis ini boleh dibahagikan lagi kepada dua(2) jenis iaitu;

a. Hibah Ruqba

*Ruqba* bermaksud pemberian hak milik daripada seseorang kepada yang lain, yang mana jika salah seorang daripada penghibah dan penerima itu mati, harta yang ingin dihibahkan(mawhub) akan menjadi hak milik orang yang masih hidup (Ahmad Rida, 1960; al-Sharbasi, 1981). Gambaran sighth *ruqba*, adalah seperti, “(Rumah) ini untuk kamu sepanjang hayat kamu, sekiranya kamu mati sebelumku ia kembali kepadaku, (namun) jika aku mati sebelum kamu maka ia menjadi milikmu” (Ibn Qudamah, t.th.). Umumnya, hibah yang disyaratkan *ruqba* adalah sah di sisi majoriti fuqaha. Namun, di sisi mazhab Zahiri, Abu Hanifah, dan Muhammad al-Shaybani dan menyatakan hibah *ruqba* adalah batal (Ibn Qudamah, t.th.; al-Mawardi, 1994; al-Sarakhsi, 2001).

Berkenaan status syarat *ruqba*, sama ada boleh dikuatkuasakan atau batal, majoriti fuqaha daripada Abu Hanifah, al-Shafi‘i, dan Ahmad bin Hanbal menyatakan bahawa syarat tersebut adalah batal. Berdasarkan pandangan ini, setelah penerima melakukan *qabul* dan *qabd*, mawhub akan menjadi milik penerima hibah selama hayatnya dan menjadi harta pusaka bagi ahli warisnya selepas dia mati tanpa mengambil kira kedudukan penghibah selepas daripada kontrak tersebut sama ada masih hidup ataupun telah mati (al-Kasani, 2003; al-Nawawi, t.th., al-Haytami, 2001; Ibn Qudamah, t.th.). Manakala bagi mazhab Maliki, syarat *ruqba* adalah berkuatkuasa. Berdasarkan pandangan kedua ini, mawhub hendaklah dikembalikan kepada penghibah jika penerima hibah yang meninggal terlebih dahulu atau sebaliknya menjadi milik penerima hibah jika penghibah yang meninggal dunia dahulu (al-Qayrawani, 1999).

b. Hibah ‘Umra

‘*Umra* di sisi mazhab Maliki ialah pemberian manfaat harta sepanjang hayat penerima hibah tanpa balasan. Berdasarkan hal ini, dengan dengan syarat ‘*umra* bagi mazhab Maliki bukanlah pemberian dalam ertikata memindah milikkan harta itu sepenuhnya sebagaimana difahami oleh fuqaha jumhur, bahkan ianya adalah satu bentuk pinjaman atau pemberian hak untuk menggunakan manfaat harta tersebut sahaja (al-Dusuqi, 2005; al-‘Adawi, t.th.). Manakala fuqaha jumhur pula memberikan takrif ‘*umra* yang boleh dikemukakan ialah, “satu bentuk pemberian hak milikan terhadap sesuatu harta kepada seseorang dengan menetapkan atau menghadkan tempoh pemilikannya berdasarkan kematiannya atau kematian orang yang diberi itu.” (Nasrul Hisyam, 2012). Contoh sighth ‘*umra* ialah, “(Rumah) ini untuk kamu sepanjang hayat kamu, apabila kamu mati ia kembali kepadaku” atau “(Rumah) ini untuk kamu sepanjang hayatku, apabila aku mati ia kembali kepada ahli warisku” (al-Kasani, 2003).

Status kontrak hibah yang disyaratkan ‘*umra* adalah sah di sisi majoriti fuqaha. Namun, di sisi mazhab Zahiri dan al-Shafii dalam *qawl qadimnya* menyatakan hibah tersebut adalah batal (Ibn Qudamah, t.th.; al-Mawardi, al-‘Imrani). Berkenaan status syarat ‘*umra*, sama ada boleh dikuatkuasakan atau batal, majoriti fuqaha daripada Abu Hanifah, al-Shafi‘i, dan Ahmad bin Hanbal menyatakan bahawa syarat tersebut adalah batal. Manakala bagi Imam Malik, al-Layth, al-Shafi‘i dalam *qawl qadim* beliau, menyatakan bahawa syarat ‘*umra* adalah berkuatkuasa. Berdasarkan pandangan kedua ini, mawhub hendaklah

dikembalikan kepada penghibah atau warisnya setelah berlakunya kematian salah satu pihak yang dinyatakan (al-Baghawi, 1983; al-Qurtubi, 2002).

## **ISU-ISU BERKAITAN HIBAH DAN PENYELESAIANNYA**

### **i. Hibah Harta Bercagar (Pemilikan Tidak Sempurna)**

Antara isu yang sering dibangkitkan mengenai harta yang boleh dihibah ialah harta yang belum sempurna dimiliki oleh pemberi hibah samada ianya boleh dihibahkan ataupun tidak seperti harta yang masih dalam cagaran atau gadaian yang belum sempurna dimiliki oleh pemberi hibah atau harta yang masih dalam pembiayaan. Realiti hari ini menyaksikan bahawa ramai orang Islam berhutang untuk memiliki suatu harta tertentu. Umpamanya untuk membeli rumah, mereka terpaksa berhutang dengan pihak bank. Adalah sukar untuk menemui pembeli rumah hari ini yang mampu membayar secara tunai kepada syarikat pemaju perumahan. Sekiranya, pembeli-pembeli harta berkenaan tidak dibenarkan untuk menghibahkan harta tersebut atas dasar rumah atau harta berkenaan masih lagi dalam pembiayaan, maka sedikit sangat manfaat yang boleh mereka perolehi daripada harta yang bakal mereka miliki kerana kekangan tersebut.

Dalam konteks pemilikan harta dalam Islam, terdapat dua (2) kaedah suatu harta boleh dimiliki. Pertama, pemilikan secara sempurna atau *Milk al-Tam*. Kedua, pemilikan secara tidak sempurna atau *Milk Al-Naqis*. Menerusi pemilikan sempurna ini, hak dan kebebasan diberikan kepada pemiliknya untuk melakukan sebarang urusan atau tasarruf ke atas harta yang dimilikinya sedangkan harta di bawah milik *Milk al-Naqis* atau pemilikan tidak sempurna, hak berkenaan adalah terbatas dan bergantung kepada syarat-syarat tertentu (Mohd Zamro Muda, 2017). Berdasarkan pandangan fuqaha yang membenarkan hibah terhadap harta milik orang lain, maka sesuatu harta milik penghibah yang kuasa pemilikannya adalah tidak sempurna boleh juga dihibahkan, tertakluk kepada kebenaran pihak yang mempunyai kepentingan terhadap harta tersebut. Kebenaran daripada pihak-pihak terbabit hendaklah diperolehi menerusi cara *sulh*, *ibra'*, *daman* atau *takaful* antara pemiutang dan penghutang harta (Ahmad Hidayat Buang, 2007). Dalam konteks semasa, kebenaran daripada pemiutang bagi tujuan hibah dilihat tidak mendatangkan masalah kepada mereka untuk mendapatkan balik hutang tersebut kerana urusan pinjaman terutamanya perumahan dilindungi oleh insurans atau takaful (Ahmad Hidayat Buang, t.th).

Oleh kerana itu, selain berpegang kepada pandangan mazhab Maliki dan Hanafi yang mengharuskan pemberian hibah terhadap harta yang bukan dimiliki secara mutlak oleh penghibah dengan syarat mendapat keizinan pemilik harta tersebut, maka adalah wajar membenarkan hibah harta yang masih dalam cagaran berdasarkan kepada prinsip masalah dan kaedah fikah yang menyebut bahawa, “Sesuatu kesulitan dapat membawa kepada kemudahan” (al-Buuti, 1966). Pandangan ini nampaknya telah diterima oleh mahkamah syariah di Malaysia melalui kes *Raihanah Binti Mohd Ali v Kamaruddin bin Mohd Nor & Lain-Lain [2008] 2 JH 253*, mahkamah telah menolak permohonan plaintif untuk mengesahkan hibah yang telah dibuat oleh adiknya (si mati) kepadanya atas alasan tiada bukti yang menunjukkan bahawa si mati telah meminta kebenaran daripada pembiaya skim BBA (*bay' bi thaman ajil*) untuk membolehkannya menghibahkan hartanah tersebut kepada plaintif. Mahkamah dalam kes ini mengiktiraf bahawa harta yang dibeli melalui skim BBA dan seumpamanya adalah sah dengan syarat mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada penyedia skim atau pinjaman tersebut. Begitu juga dalam satu kes yang telah diputuskan selepas itu, kes *Yati Suraya lwn Supiah Bintti Abu*, kes yang diputuskan oleh Mahkamah

Negeri Sembilan, membenarkan hibah harta bercagar walaupun tanpa izin daripada pemegang gadaian asalkan hartanah bercagar tersebut dilindungi sepenuhnya oleh takaful /insuran (Nasri, 2018). Oleh yang demikian, tidak timbul isu kesahan hibah harta dalam cagaran. Keputusan yang dibuat dalam kes yang berkenaan telah membuka luas konsep pemilikan harta menerusi hibah dibandingkan dengan lain-lain kaedah pengurusan harta. Lebih banyak harta boleh dimanfaatkan dan diagih-agihkan kepada mereka yang layak.

Seterusnya izin pemberi hibah selepas pemberian hibah tersebut juga dianggap sah menurut Perkara 857 *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*, kerana kebenaran yang dilakukan kemudian itu sama kedudukannya dengan perwakilan yang dibuat sebelum daripada hibah itu (Mohd Zamro Muda, 2017). Dalam industri perancangan harta pusaka, yang menawarkan hibah bersyarat ruqba, untuk harta yang masih bercagar seperti *My Pusaka*. puluhan perintah hibah mahkamah Syariah telah dikeluarkan. Namun ianya perlu mematuhi syarat ketat sebelum hibah sedemikian dibuat iaitu harta tersebut mestilah ada jaminan hutang terlangsa, maksudnya ada insurans atau takaful (MRTT/MRTA). Sekarang, hampir semua harta boleh dihibahkan dengan produk-produk yang diperkenalkan oleh industri pengurusan harta berkenaan seperti rumah, kereta, wang simpanan, pelaburan unit Amanah, pelaburan ASB, simpanan Tabung Haji, simpanan akaun CDS, saham syarikat, semua boleh dihibahkan

## **ii. Menghibah Keseluruhan Harta**

Antara persoalan yang sering juga dibangkitkan ialah adakah penghibah boleh menghibahkan keseluruhan hartanya Kebanyakan instrumen pengurusan harta selain hibah menetapkan kadar-kadar tertentu harta yang boleh dihibah sepertimana dalam wasia, kadar harta yang boleh diwasiatkan oleh pewasiat menurut ketentuan syarak adalah setakat 1/3 sahaja daripada harta bersih peninggalannya yang masih ada pada waktu kematiannya setelah digunakan untuk belanja pengebumiannya dan penunaian hutang-hutangnya jika ada yang menjadi tanggungan pewasiat. Oleh itu, wasiat yang melebihi kadar 1/3 harta pewasiat adalah tidak sah kecuali waris-waris bersetuju dengan kadar yang lebih itu. Jika waris-waris bersetuju, maka wasiat lebih daripada 1/3 adalah sah, dan jika mereka tidak bersetuju maka wasiat hanya sah setakat 1/3 sahaja dalam lebih daripada itu menjadi harta pusaka. Manakala menurut faraidh, pembahagian harta adalah menurut kadar-kadar yang telah ditentukan kepada hanya waris-waris yang layak sepertimana yang terdapat dalam dalil-dalil di dalam al-Quran dan hadith. Kadar-kadar yang ditetapkan meletakkan sekatan kepada harta yang ingin dihibah oleh pemilik kepada penerima hibah

Melalui hibah kadar atau had tertentu bagi harta yang hendak dihibahkan tidak ditetapkan. Pemilik bebas untuk menghibah harta yang dimiliki mengikut apa yang dikehendaki. Ini kerana harta yang hendak dihibahkan itu merupakan milik pemberi hibah, maka terpulanglah kepada pemberi hibah membuat pertimbangan terhadap kadar harta yang ingin dihibahkan. Walau bagaimanapun, Islam menggalakkan hibah diberikan secara adil, terutamanya jika ia diberikan kepada anak-anak. Jumhur ulamak (Hanafi, Maliki dan Syafie) berpendapat bahawa sunat menyamakan pemberian di antara anak-anak dan pemberian yang lebih kepada salah seorang daripada mereka adalah makruh hukumnya, walaupun pemberian itu sah. Menurut Abu Yusuf, melebihi pemberian kepada sebahagian daripada anak-anak adalah diharuskan jika ibu bapa tidak berniat menimbulkan bahaya kepada anak-anak yang lain. Sekiranya ibu bapa berniat sedemikian, maka menjadi kewajipan mereka menyamakan pemberian tersebut. Menurut mazhab Hanbali, keadilan dalam pemberian hibah kepada anak-anak merupakan perkara yang wajib. Manakala menurut Imam Malik, tidak boleh memberi hibah semua harta kepada sesetengah anaknya dan tidak kepada yang lain. Mazhab Hanafi,

Syafie, Maliki dan Abu Yusuf, berpendapat bahawa cara pemberian harta yang adil kepada anak-anak semasa hayat ialah dengan cara menyamakan pemberian tersebut tanpa membezakan di antara anak lelaki dan anak perempuan. Sebaliknya, golongan Hanbali dan Muhammad bin Hassan al-Shaybani berpendapat bahawa keadilan yang dikehendaki dalam pemberian adalah mengikut kadar mereka dalam pembahagian harta pusaka, iaitu bahagian anak lelaki menyamai dua bahagian anak perempuan.

Dalam kes *Muhammad bin Awang dan Lain-lain lwn. Awang bin Deraman dan Lain-lain [2001] XIV(II) JH 165*, Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan memutuskan bahawa hibah kepada anak-anak adalah sah walaupun terdapat sebahagian daripada mereka tidak mendapat hibah. Dalam kes ini, Panel Rayuan berpendapat bahawa hukum menyamaratakan pemberian kepada anak-anak adalah sunat (digalakkan) sahaja dan tidak menyebabkan hibah terbatal jika terdapat sebahagian anak-anak tidak mendapat hibah (Mohd Zamro & Lizza 2017). Merujuk kepada fakta kes, si mati, iaitu responden pertama semasa hayatnya telah menghibahkan dua bidang tanah miliknya kepada responden kedua dan ketiga, iaitu anak-anaknya. Selepas kematian responden, perayu-perayu, yang merupakan anak-anak si mati yang lain telah mempertikaikan kesahan hibah tersebut atas alasan antaranya pembahagian tersebut tidak adil kerana dibuat secara tidak sama rata. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa pemberian tersebut walaupun kelihatan tidak adil tetapi merupakan sesuatu yang sah hukumnya (Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad, 2013).

### **iii. Penarikan Balik atau Pembatalan Hibah**

Apabila sempurna sesuatu akad hibah dengan memenuhi rukun dan syaratnya serta berlaku penyerahan dan penerimaan barang (al-qabd), maka harta itu menjadi milik penerima hibah sekalipun tanpa balasan (*'iwad*). Namun demikian, adakah hibah berkenaan boleh ditarik balik selepas itu, menjadi perbincangan di kalangan fuqaha' sepertimana berikut:

- a) Menurut pendapat mazhab Hanafi, pemberi hibah boleh tetapi makruh menarik balik hibah yang telah diberikan dan dia boleh memfasakhkan hibah tersebut walaupun telah berlaku penyerahan (qabd), kecuali jika hibah itu dibuat dengan balasan (*'iwad*).
- b) Menurut pendapat mazhab Syafie, Hanbali dan sebahagian fuqaha' mazhab Maliki penarikan balik hibah boleh berlaku dengan semata-mata ijab dan qabul. Tetapi apabila disertakan dengan penyerahan dan penerimaan barang (al-qabd) maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik kecuali hibah yang dibuat oleh bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan usul yang lain) kepada anak-anaknya selama mana harta itu tidak ada kaitan dengan orang lain.
- c) Menurut pendapat Imam Ahmad dan mazhab Zahiri, pemberi hibah tidak boleh (haram) menarik balik hibah yang telah dibuat kecuali hibah bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan usul yang lain) kepada anak-anaknya. Ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "Orang yang menarik balik hibahnya sama seperti anjing yang memakan balik muntahnya." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Secara umumnya, para fuqaha' bersetuju mengenai keharusan pembatalan hibah atau penarikan balik hibah oleh pemberi hibah jika sekiranya ia dilakukan secara redha meredhai antara pemberi dan penerima hibah atau melalui keputusan hakim. Keharusan untuk menarik balik pemberian hibah dapat menjaga masalah ummah sepertimana yang dimanifestasikan



dalam kes *Eshah bt Abdul Rahman lwn Azuhar b Ismail [1997] 2 JH 219*. Menurut fakta kes ini, plaintif adalah merupakan ibu angkat kepada defendan dan telah memberikan sebidang tanah kepada defendan dengan harapan defendan akan menjaga dan membantu plaintif semasa hayat. Namun begitu, setelah penukaran hak milik tanah tersebut kepada defendan, defendan telah mengabaikan kebajikan plaintif. Oleh itu, plaintif menfailkan tuntutan supaya hibah tanah yang telah dilakukan ditarik balik bagi melangsaikan hutang plaintif dan membiayai perbelanjaan plaintif ke Makkah. Namun begitu, hakim mahkamah terpaksa menolak permohonan plaintif kerana pemilikan defendan ke atas tanah tersebut telah sah dari sisi undang-undang dan telah memenuhi rukun dan syarat hibah. Kes ini menunjukkan kepentingan untuk menerima pakai hibah bersyarat supaya hak dan kebajikan pemberi hibah masih dapat dipelihara (Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhamad, 2017)

#### **iv. Hibah kepada bukan waris/ bukan Islam**

Tiada syarat khusus yang diberikan kepada penerima hibah. Syarat umum yang dinyatakan ialah penerima hibah ialah seseorang yang berkeahlian untuk menguruskan harta yang diterimanya, tetapi hal ini boleh dibatasi dengan perlantikan pemegang amanah dan sebagainya untuk menguruskan pentadbiran harta pemberian tersebut. Oleh kerana itu, penerima yang gila, cacat akal, kanak-kanak, berbeza agama dan sebagainya tidak akan mencatitkan kontrak hibah tersebut. Hibah ini tidak tertakluk kepada waris saja sebaliknya pemberi hibah boleh memberi kepada sesiapa saja yang disukai walaupun ianya bukan waris. Contohnya, seseorang anak angkat memang tidak berhak ke atas harta keluarga angkatnya namun atas dasar kasih sayang, keluarga angkatnya boleh menghibahkan hartanya kepada anak angkat itu tanpa perlu mendapat persetujuan waris lain.

Pengangkatan sememangnya tidak memberikan hak kepada anak angkat mewarisi harta peninggalan keluarga angkatnya. Begitu juga ibu bapa angkat atau keluarga angkat tidak berhak untuk mewarisi harta anak angkat. Walau bagaimanapun anak angkat boleh memperolehi harta dari keluarga angkatnya menerusi instrumen hibah. Dalam kes *Zamani Mohd Noor lwn Awang Merah dan Satu Sam lain (2008) JH 26 (2)*, menurut fakta kes perayu adalah merupakan anak saudara dan anak angkat kepada arwah Che Limah Awang Mat. Harta yang menjadi pertikaian ialah merupakan sebidang tanah rancangan yang telah diusahakan oleh bapa kandung perayu, Mohd Noor Merah. Harta ini telah diserahkan kepada Che Limah yang kemudiannya telah mengusahakannya dan berjaya memilikinya yang kemudiannya telah diberi kepada perayu sebelum Che Limah meninggal dunia. Mahkamah Kadhi Khas, Tanah Merah Kelantan tidak mensabitkan lot-lot tanah berkenaan sebagai pemberian hidup kepada perayu. Walau bagaimanapun keputusan kemudian ini telah diakas oleh Mahkamah Rayuan yang telah mensabitkan tuntutan perayu ke atas tanah tersebut. Begitu juga di dalam kes *Pengesahan Hibah Norizah Binti Mansor (2004) JH 17 (1)69*, di mana menurut fakta kes, plaintif adalah anak angkat kepada Jamaliah Binti Burhan (si mati) Semasa hayat ibu angkatnya, Jamaliah memiliki  $\frac{1}{2}$  dari bahagian tanah yang dikongsi bersama adiknya Jamilah. Ketika hayat, si mati telah membuat surat akuan untuk memberi hibah kepada plaintif tanah tersebut. Selepas kematiannya, tanah tersebut telah dijual tetapi 10 % hasil jualan tersebut tidak dituntut, Plaintif memohon di mahkamah untuk mendapatkan bayaran hasil jualan tanah tersebut. Tuntutan plaintif dibenarkan kerana tanah itu menjadi harta yang telah dihibahkan kepada plaintif.

Hibah juga boleh diberikan kepada non Muslim atau sesiapa sahaja yang tidak menjadi waris kepada pemberi hibah. Boleh saja seorang Muslim memberikan hibah kepada non-Muslim. Menurut Ali As Saghdi, "Adapun hibah orang Muslim kepada orang kafir itu

boleh, baik orang kafir tersebut adalah orang Yahudi, Nasrani, Majusi, atau kafir musta`man di negara Islam,” (Ali As Saghdi, 520). Pandangan di atas harus dibaca dalam konteks ketika apa yang dihibahkan itu memang bisa dimiliki oleh non-Muslim. Kebolehan berhibah sedemikian adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu karena agama, dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.”*

(Surat Al-Mumtahanah ayat 8).

Menurut Al-Kawasy sebagaimana dikemukakan Ibnu Ajibah, ayat tersebut turun sebagai bentuk rukhshah atau kemudahan/ kebolehan menjalin berhubungan dengan berbagai pihak yang memusuhi dan memerangi kaum Mukmin. Menurutnya, ayat tersebut juga menunjukkan kebolehan berhubungan dan berbuat kebaikan kepada orang-orang non-Muslim yang tidak memerangi umat Islam, kendati loyalitas di antara mereka (non-Muslim) masih tetap kuat. Al-Kawasy berkata, ‘Bahwa ayat ini diturunkan sebagai rukhshah/keringanan untuk menyambung tali silaturahmi dengan orang-orang yang tidak memusuhi dan memerangi kaum mukmin.’(Ibnu ‘Ajibah, 37) Melalui penjelasan di atas, seorang Muslim harus memberi hibah kepada bukan Islam yang tidak memerangi orang Islam. Dengan adanya instrumen hibah, banyak masalah berkaitan tuntutan harta yang timbul akibat pengangkatan, ketiadaan waris serta penukaran agama ke agama Islam dapat diselesaikan.

## **KELEBIHAN PENGURUSAN HARTA MELALUI HIBAH**

Instrumen hibah jelas memiliki banyak keistimewaan tersendiri yang membezakannya dengan instrumen pengurusan harta yang lain. Hibah dilihat sebagai alternatif terkini dalam menguruskan harta orang Islam dengan memiliki kelebihan-kelebihan sepertimana yang berikut;

- (a) **Pemberian harta secara hibah boleh memupuk perasaan kasih sayang dan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama manusia**

Pemilik harta boleh memberikan hartanya secara hibah kepada sesiapa sahaja terutamanya mereka yang dekat hubungan dengan pemberi hibah seperti anak, isteri atau suami, ibu bapa, anak angkat, anak susuan, keluarga angkat dan lain-lain bagi menzahirkan lagi kasih sayang antara mereka. Bahkan seseorang boleh menghibahkan hartanya kepada mereka yang berlainan agama. Dengan menghibah seseorang bukan sahaja dapat mengeratkan silaturrahin sesama Muslim tetapi juga dapat menjalinkan hubungan kasih sayang dengan mereka yang berlainan agama. Apa yang penting, kezhahiran kasih sayang ini dapat dipupuk semasa pemberi dan penerima hibah masih hidup lagi tidak sebagaimana wasiat dan faraidh.

Hibah berbeza dengan faraid kerana yang layak mendapat harta pusaka dalam faraidh adalah waris-waris si mati sahaja. Begitu juga hibah berbeza dengan wasiat kerana wasiat hanya boleh dibuat kepada bukan waris sahaja. Menerusi hibah pemilik harta boleh memberikan harta yang dimiliki kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki tanpa had samada kepada waris ataupun bukan waris, Islam ataupun bukan Islam. Berikut adalah senarai golongan yang boleh mendapat manfaat daripada kaedah pengurusan harta melalui hibah iaitu;

- i. Pasangan yang mempunyai anak perempuan sahaja
- ii. Pasangan yang mempunyai anak angkat
- iii. Pasangan yang berkahwin tetapi belum atau tidak dikurniakan cahaya mata.
- iv. Golongan yang berpoligami.
- v. Pasangan yang masih mempunyai ibu dah ayah.
- vi. Golongan yang sekian lama membujang.
- vii. Golongan yang mempunyai anak lelaki dan perempuan.
- viii. Golongan muallaf yang masih mengekalkan hubungan silaturrahim dengan keluarga bukan Islamnya.
- ix. Golongan yang mengambil anak luar nikah sebagai anak angkat atau anak susuan.
- x. Pasangan yang mempunyai anak OKU.
- xi. Individu yang berkahwin semula selepas kematian pasangan.
- xii. Individu yang akan menunaikan ibadah Umrah dan Haji.
- xiii. Individu yang mempunyai keluarga angkat.
- xiv. Pasangan suami Isteri yang membeli rumah secara bersama.

Kelonggaran dalam konsep pemberian hibah kepada sesiapa sahaja memperlihatkan keindahan Islam sebagai agama yang syumul yang menitikberatkan penjagaan hubungan bukan sahaja hubungan manusia dengan penciptanya juga hubungan sesama manusia sejagat.

**(b) Tiada sekatan pada kadar harta yang dihibah**

Kadar harta yang hendak dihibahkan kepada penerima hibah tiada had atau terpulang kepada pemberi hibah bergantung kepada kemampuan dan kehendaknya. Hal ini tidak sama dengan wasiat, di mana harta yang diwasiatkan tidak boleh melebihi kadar 1/3 harta pusaka. Manakala pembahagian harta mengikut faraid pula adalah berdasarkan ketentuan dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Justeru, kita dapati bahawa hibah memberi kebebasan kepada pemilik harta untuk menentukan kadar atau bahagian harta yang hendak dihibahkan dengan memberi pertimbangan kepada keperluan hidup dan kehendak semasa penerima hibah.

**(c) Harta penghibah dapat dimanfaatkan semaksima yang mungkin**

Islam membenarkan umatnya memiliki harta kekayaan bagi tujuan memakmurkan bumi Allah dengan cara yang terbaik sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Namun demikian, manfaat sesuatu harta yang dimiliki tidak boleh digunakan semaksimum mungkin apabila harta itu hanya dikumpulkan dan tidak dimanfaatkan secara total disebabkan faktor usia, kesibukan dan penyakit. Justeru, instrumen hibah boleh menangani masalah ini dengan baik di mana harta yang dihibahkan boleh terus dimanfaatkan oleh penerima hibah ketika pemberi hibah masih hidup. Jika pemilik harta membuat wasiat atau hanya menunggu hartanya difaraidkan selepas kematian maka pemanfaatan harta secara terus belum tentu dapat dilaksanakan atas beberapa faktor seperti masalah pentadbiran (birokrasi) dalam pembahagian harta pusaka, pertelingkahan di kalangan waris, kesahan wasiat dan sebagainya yang akhirnya menyebabkan sesuatu harta itu terbiar.

**(d) Pemberian harta secara hibah mengikut kehendak penghibah dan kesesuaian status penerima hibah**

Walaupun hibah boleh diberikan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki oleh pemberi hibah, namun jika dilihat dari sudut perancangan harta secara terancang maka wajar mengambil kira status penerima hibah dari segi ekonomi atau sosial. Dengan ini, pemberi hibah berhak menentukan sendiri kepada siapa hartanya hendak dihibahkan dan berapa kadar yang sesuai untuk dihibahkan dengan mengambil kira status ekonomi dan keperluan semasa penerima hibah. Di samping itu, faktor tanggungjawab, peranan dan sumbangan juga boleh diberi pertimbangan dalam menentukan penerima hibah dan kadar atau bahagian harta yang hendak dihibahkan.

**(e) Harta yang dihibahkan boleh ditarik balik atau dibatalkan**

Sesuatu pemberian harta secara hibah secara umumnya tidak boleh ditarik balik atau dibatalkan sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

*Maksudnya: "Orang yang menarik kembali hibahnya adalah sama seperti seekor anjing yang muntah kemudian ia menjilat kembali muntahnya"*  
(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Namun demikian, terdapat pengecualian terhadap pemberian harta secara hibah oleh ibu bapa kepada anak-anak atau datuk dan nenek kepada cucu-cucu boleh ditarik balik sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

*Maksudnya: "Tidak halal seseorang lelaki muslim yang memberi sesuatu pemberian atau hibah maka ditarik kembali pemberian atau hibah tersebut kecuali pemberian atau hibah seorang bapa kepada anaknya"*  
(Hadis riwayat Abu Dawud).

Dari hadis ini, ulama' memperluaskan maksud bapa di mana sebarang hibah atau pemberian usul kepada furuk boleh ditarik balik. Usul termasuk ibu, bapa, datuk dan nenek ke atas, sementara furuk termasuk anak dan cucu ke bawah. Kebenaran untuk menarik balik hibah yang dibuat adalah merupakan suatu keistimewaan yang diberikan oleh Islam. Melihat kepada situasi yang berlaku hari ini di mana terdapat ramai anak yang enggan memelihara ibu bapanya atau mengambil tanggungjawab untuk memelihara ibubapanya, keharusan untuk menarik semula pemberian hibah memberikan satu alternatif terbaik bagi menangani masalah tersebut.

**(f) Pemberian harta secara hibah boleh dilakukan tanpa pindah milik harta dalam dokumen hakmilik (geran)**

Sesuatu hibah dianggap sah jika telah memenuhi rukun dan syaratnya. Justeru perlu dibezakan antara *al-qabd* dan pindah milik harta atau pertukaran nama pada dokumen hakmilik (geran). Ada sesetengah pihak beranggapan bahawa sesuatu pemberian harta secara hibah tidak sah jika pertukaran nama pada dokumen hakmilik tidak dilakukan. Keadaan ini disebabkan mereka tidak dapat membezakan antara *al-qabd* dan pindah milik harta atau pertukaran nama pada dokumen hakmilik (geran). *Al-Qabd* ialah penyerahan harta hibah daripada pemberi hibah kepada penerima hibah. Dengan berlakunya *al-qabd*, maka penerima hibah boleh menguasai dan menguruskan harta berkenaan setelah diizinkan oleh pemberi

hibah. Oleh yang demikian, pindah milik harta atau pertukaran nama pada dokumen hakmilik (geran) adalah pilihan kepada pemberi hibah dan bukannya syarat untuk mengesahkan sesuatu hibah. Dalam situasi sekarang di mana keperluan harta semakin mendesak dan kepercayaan semakin terhakis, maka adalah wajar sesuatu pemberian harta secara hibah tidak disusuli dengan pertukaran nama pada dokumen hakmilik (geran). Pertukaran nama atau pindah milik boleh dilakukan selepas kematian pemberi hibah semasa pembahagian harta pusaka dilakukan. Walau bagaimanapun dokumen hibah perlu dibuat secara jelas atau bertulis supaya tidak berlaku sebarang pertikaian selepas kematian pemberi hibah.

**(g) Kos pengendalian hibah yang murah dan mudah**

Sekiranya pindahmilik dibuat dari nama pemberi hibah kepada penerima hibah, duti setem perlu dibayar. Secara umumnya, duti setem ini ialah 1 % untuk nilai hartanah RM 100,000.00 yang pertama, 2 % untuk nilai hartanah RM 400,000.00 yang kedua dan 3 % untuk nilai hartanah yang seterusnya. Seorang ayah atau ibu boleh memilih untuk memindahmilik hartanah mereka kepada anak-anak hari ini, tetapi mereka perlulah membayar kos ini. Oleh kerana hibah tidak memerlukan pindahmilik berlaku Selain itu, penyediaan dokumen hibah lebih menjimatkan kos berbanding dengan pertukaran nama atau pindah milik harta yang dibuat semasa pemberi hibah masih hidup. Ini kerana kos pindah milik harta yang dibuat semasa hidup lebih tinggi berbanding dengan kos pembahagian harta selepas kematian. Di samping itu, proses penarikan balik hibah yang dibuat oleh ibu bapa kepada anak-anak adalah lebih mudah jika namanya masih kekal pada dokumen hakmilik. Jika pindah milik harta atau pertukaran nama telah berlaku maka penarikan balik hibah perlu melalui Mahkamah Syariah bagi tujuan mendapatkan perintah penarikan balik hibah supaya pihak pentadbiran seperti pejabat tanah menukar kembali nama pada dokumen hakmilik berkenaan. Keadaan lebih menyukarkan terutamanya apabila harta telah dilupuskan oleh penerima hibah seperti penerima hibah telah memberi atau menjual harta berkenaan kepada pihak lain. Di samping itu, proses mahkamah juga mengambil masa dan orang awam biasanya kurang memahami prosedurnya.

**PENUTUP**

Daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa Hibah adalah suatu kaedah mengurus harta semasa hayat pemilik harta yang paling kompetitif dan paling istimewa kerana keupayaannya menyelesaikan banyak isu-isu berbangkit yang tidak dapat diselesaikan oleh instrumen pengurusan harta yang lain. Keistimewaan-keistimewaan yang ada pada pengurusan harta menerusi hibah menjadikan hibah kaedah mengurus harta yang mula mendapat tempat di hati pemilik-pemilki harta orang Islam hari ini. Maka tidak hairanlah, banyak syarikat-syarikat pengurusan harta menerusi hibah muncul bagai cendawan tumbuh di Malaysia hari ini. Walau bagaimanapun instrumen ini perlu dimantapkan lagi perlaksanaannya dengan sokongan kerangka undang-undang dan bidangkuasa yang lebih jelas dan berfokus.

**RUJUKAN**

- Ahmad Hidayat Buang. (2005). *Mahkamah Syariah di Malaysia: pencapaian dan cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Ahmad Hidayat Buang. (2007). *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Ahmad Rida, al-Sheikh. (1960). *Mu'jam Matan al-Lughah*, jil. 5. Beirut: Dar Maktabat al-Hayah
- Ali As-Saghdhi, *An-Nutaf fil Fatawi*, Beirut, Muassatur Risalah: 1404 H/1984 M
- al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad. (1421H). *Kitab al-Ta'rifat*. Jeddah: al-Haramayn.
- al-Kasani, Abi Bakr bin Mas'ud, (2003). *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Sharai'*, jil. 8. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad bin Habib. (1994). *al-Hawi al-Kabir*, jil. 9. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qadiri, Muhammad bin Husayn bin Ali. (1997). *Takmilah al-Bahr al-ra'iq Sharh Kanz al Daqa'iq*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jil 7; hlm 483
- al-Qayrawani, Abi Muhammad 'Abd Allah. (1999). *al-Nawadir wa al-Ziyadat 'ala Ma fi al-Mudawwanah min Ghayriha min al-Ummahat*, jil. 12. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Sanhuri, (t.th.). *al-Wasit fi Sharh al-Qanun al-Madani*, jil. 2 dan 6. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Sarakhsi, Shams al-Din. (2001). *al-Mabsut*, jil. 12. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sharbasi, Ahmad. (1981). *al-Mu'jam al-Iqtisadi al-Islami*. T.tp.: Dar al-Jayl
- al-Sharbini, Muhammad al-Khatib. (t.th.). *Mughni al-Muhtaj*, jil. 4. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
- al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, jil. 5. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram. (2003). *Lisan al-'Arab*, jil. 6 dan 9. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah. (t.th.). *al-Mughni*, jil. 6. Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn Rush. (1989). *Bidayat al-Mujtahid Wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibnu 'Ajibah, *Al-Bahrul Madid*, Beirut, Darul Kutub Al-'Ilmiyyah: 1423 H/2002 M, cetakan kedua, juz VIII, hlm. 37).
- Mohd Zamro Muda & Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2017). *Analisis kes amalan hibah bersyarat di Malaysia*. Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies, 39 (2). pp. 135-142.
- Muhammad Zamro Muda. (2008). *Instrumen Hibah: Analisis Hukum dan Aplikasi Di Malaysia*. Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008. Anjuran JAKIM pada 7 Ogos 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
- Nasri, MS. (2018). Takaful Semula Dalam Industri Insurans: Tinjauan Khusus Menurut Perspektif Islam dan Undang-Undang. *Journal of Law and Governance*. Vol.1. hlm. 49-61.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2012). 'Umra dan Ruqba : Analisis Mengenai Kesannya Terhadap Kontrak Hibah dan Potensinya Sebagai Instrumen Agihan Harta, *Shariah Journal*, Vol. 20, No. 1. hlm. 1-46.
- Nasrul Hisyam. (2011). *Hibah dalam Undang-undang Islam: Prinsip dan Amalan*. Johor Baharu: UTM Press.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. (2013). *Pengurusan Harta Melalui Hibah : Kepentingan dan Manfaat dari Pelbagai Aspek untuk Kemajuan Ummah*.
- Rusnadewi Abdul Rashid, Siti Aishah Hassan & Noor Inayah Yaakub. (2013). A Need for Legal Framework of Gift Inter Vivos (Hibah) in Malaysian Estate Planning. *International Journal of Business, Economic and Law*, Vol. 2, Issues 3 (June).

## **Rujukan Kes**

*Eshah bt Abdul Rahman lwn Azuhar b Ismail* [1997] 2 JH 219.

*Muhammad Awang & yang lain lwn Awang Deraman & yang lain* [2004] CLJ (Sya) 139

*Muhammad bin Awang dan Lain-lain lwn. Awang bin Deraman dan Lain-lain* [2001] XIV(II)  
JH 165  
*Pengesahan Hibah Norizah Binti Mansor* (2004) JH 17 (1)69  
*Raihanah Binti Mohd Ali v Kamaruddin bin Mohd Nor & Lain-Lain* [2008] 2 JH 253  
*Kamaruddin bin Mohd Nor & Lain-Lain* [2008] 2 JH 253  
*Yati Suraya lwn Supiah Bintti Abu*  
*Zamani Mohd Noor lwn Awang Merah dan Satu Sam lain* (2008) JH 26 (2)